

PERJANJIAN

Antara Kesatuan Republik Sosialis Soviet dan Amerika Syarikat Untuk Mencegah Nuklear

Kesatuan Republik Sosialis Soviet dan Amerika Syarikat, selepas ini dikenal sebagai Pihak-Pihak, dengan berpandukan matalamat-matalamat untuk meneguhkan keamanan dunia dan keselamatan antarabangsa.

Menyedari bahawa perang nuklear akan membawa kesan-kesan dahsyat terhadap manusia.

Bermula dari keinginan untuk mengujudkan keadaan-keadaan dalam mana bahaya meletusnya perang nuklear di mana-mana sahaja di dunia akan dikurangkan dan akhirnya dihapuskan.

Bermula daripada tanggungjawab-tanggungjawab mereka di bawah Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu berhubung dengan memelihara keamanan, menahan diri dari mengeluarkan ancaman atau menggunakan kekerasan dan mengelakkan perang dan sebagainya mematuhi perjanjian di mana kedua pihak telah mempersetujuinya.

Bermula daripada Prinsip-Prinsip Asas Perhubungan antara Kesatuan Republik Sosialis Soviet dan Amerika Syarikat yang ditandatangani di Moscow pada 29 Mei, 1972.

Menegaskan bahawa perkembangan perhubungan antara Kesatuan Republik Sosialis Soviet dan Amerika Syarikat bukan ditujukan ke atas negara-negara lain dan ke atas kepentingan-kepentingan mereka, telah bersetuju seperti berikut :

ARTIKEL I

Soviet Union dan Amerika Syarikat bersetuju bahawa satu matalamat bagi dasar-dasar mereka ialah untuk menghapuskan bahaya perang nuklear dan penggunaan senjata-senjata nuklear.

Dengan demikian kedua pihak bersetuju bahawa mereka akan bertindak sedemikian rupa bagi mencegah berkembangnya keadaan-keadaan yang boleh menyebabkan ketegangan yang membahayakan dalam perhubungan mereka, untuk mengelakkan berlakunya pertentangan-pertentangan tentera dan untuk mengelakkan meletusnya perang antara kedua mereka dan salah satu dari kedua pihak dengan negara-negara lain.

ARTIKEL II

Kedua pihak bersetuju, mengikut Perkara I dan untuk menjayakan matalamat disebut dalam perkara itu, untuk bermula dari cadangan bahawa setiap pihak akan menahan diri dari menggunakan ancaman atau paksaan terhadap satu pihak lagi, terhadap negara-negara sekutu di satu pihak lagi dan terhadap negara-negara lain, dalam keadaan-keadaan yang mungkin membahayakan keamanan dan keselamatan antarabangnya. Kedua pihak bersetuju bahawa mereka akan dipandu oleh pertimbangan-pertimbangan ini dalam merangka dasar-dasar luar mereka dan dalam tindakan-tindakan perhubungan antarabangsa.

ARTIKEL III

Kedua pihak bersetuju untuk memajukan perhubungan mereka antara satu sama lain dan dengan negara-negara lain mengikut cara yang sejajar dengan tujuan-tujuan Perjanjian ini.

ARTIKEL IV

Jika pada sebarang masa hubungan antara kedua pihak atau antara satu-satu pihak dengan negara-negara lain kelihatan akan melibatkan risiko berlakunya satu pertikaian nuklear atau jika hubungan antara negara-negara bukannya pihak-pihak dalam Perjanjian ini nampaknya akan melibatkan risiko perang nuklear antara USSR dan USA atau antara satu-satu pihak dan negara-negara lain, Soviet Union dan Amerika Syarikat, bertindak mengikut peruntukan-per-

untukan dalam Perjanjian ini, akan segera mengadakan rundingan dengan satu sama lain dan berbuat setiap usaha menghapuskan risiko ini.

ARTIKEL V

Setiap pihak adalah bebas untuk memberitahu Majelis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu dan kerajaan-kerajaan negara sekutu atau negara-negara lain tentang kemajuan dan hasil rundingan-rundingan yang dijalankan sejajar dengan Perkara IV Perjanjian ini.

ARTIKEL VI

Tidak ada sesuatu dalam Perjanjian ini yang akan memberi kesan atau membahayakan :

(a) Adanya hak mempertahankan diri secara berseorangan atau berkelompok seperti termaktub dalam Perkara 51 Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu;

(b) Peruntukan-peruntukan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, termasuk yang berhubungan dengan pemeliharaan atau pemulihan keamanan dan keselamatan antara bangsa, dan

(c) Tanggungjawab-tanggungjawab yang dipikul oleh satu-satu pihak terhadap negara-negara sekutunya atau negara-negara lain di bawah perjanjian-perjanjian, persetujuan-persetujuan, dan dokumen-dokumen lain yang sesuai.

ARTIKEL VIII

Perjanjian ini akan memakan masa yang tidak terhad.

ARTIKEL VIII

Perjanjian ini akan berkuatkuasa apabila diperturunkan tandatangan.

Dibuat di Washington pada 22 Jun, 1973 dalam dua salinan, dalam dua bahasa iaitu Rusia dan Inggeris, yang mempunyai persamaan erti.

Bagi Pihak
Kesatuan Republik
Sosialis Soviet
L. I. BREZHNEV
Setiausaha Agung
Jawatankuasa Pusat CPSU.

Bagi Pihak
Amerika Syarikat
RICHARD M. NIXON
Presiden Amerika Syarikat.